

Berbakti pada ibu bapa berterusan selepas mati

B/HARIAN 3/7/2011 ms 14

Muslim perlu berbakti kepada kedua-dua ibu bapa bukan hanya sepanjang hidup mereka, bahkan ia berlangsung meskipun mereka sudah meninggal dunia.

Abu Usaid Malik ibnu Rabi'ah Sa'idi berkata ketika mereka berada di samping Rasulullah SAW, seorang lelaki daripada bani Salimah datang bertanya: "Wahai Rasulullah, selepas kedua-dua ibu bapak meninggal dunia. Apakah

masih ada apa-apa cara untuk saya melakukan kebaikan kepada mereka?"

Baginda bersabda: "Ya, berdoa untuk mereka, memohon keampunan untuk mereka, menunaikan wasiat mereka selepas peninggalan mereka, menghubungkan silaturahim dengan orang yang ada hubungan kekeluargaan melalui mereka dan memuliakan rakan mereka." (HR Abu Daud)

Antara doa yang perlu diulang terutama selepas solat: "Wahai Tuhan, ampunkanlah dosaku dan dosa ibu bapakmu serta kasihanilah kedua-dua seperti mereka mengasihani aku ketika kecil."

Malah doa terhadap ibu bapa turut menjadi antara bacaan yang dilazimi oleh masyarakat Melayu melalui amalan membaca surah Yaasin dan tahlil termasuk pada malam Jumaat, sekali gus menun-

jukkan ia dititikberatkan dalam tradisi beragama di alam Melayu.

Malah, kita juga digalakkan meneruskan hubungan sama ada kekeluargaan atau persahabatan dengan adik-beradik ibu bapa, kaum kerabat dan rakan orang yang mengenali kedua-dua ibu bapa.

Abdullah ibnu Umar RA berkata beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang

ingin meneruskan hubungan dengan ayahnya (selepas) meninggal dunia dan berada dalam kubur, maka hendaklah dia berbuat kebaikan terhadap adik-beradik ayahnya." (HR Ibnu Hibban)

Malah, orang Islam yang berbuat demikian juga turut dijanjikan dengan usia akan dipanjangkan dan rezeki bakal ditambah seperti yang terkandung dalam Musnad Ahmad.